

Headline	Aktiviti riadah eratkan hubungan pelajar		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	21	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	188 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,635
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,904



# Aktiviti riadah eratkan hubungan pelajar

**TERUJA.** Kira-kira 56 pelajar semester lima Program Kejuruteraan Sistem Pintar, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam mengadakan aktiviti riadah di Bagan Lalang, Sepang, Selangor baru-baru ini.

Menurut seorang pelajar, Mohd. Afiq Hilmi, 21, aktiviti tersebut diadakan untuk mengeratkan hubungan sesama mereka yang bakal menempuh alam pekerjaan

tidak lama lagi apabila menamatkan pengajian selepas semester ketujuh.

"Kami yang terdiri daripada pelajar kelas CS2435B dan

CS2435A telah mengadakan pelbagai acara antaranya bola sepak, lumba lari dan teka senyap pada aktiviti itu.

"Selain itu, kami juga mengadakan barbeku dan sudah pasti ayam, ikan, udang, kambing dan sosej menjadi menu wajib bagi aktiviti sedemikian," katanya lagi.



SEBAHAGIAN daripada pelajar Program Kejuruteraan Sistem Pintar, Fakulti Sains Komputer dan Matematik UiTM, Shah Alam bersantai di Bagan Lalang, Sepang, Selangor baru-baru ini.